



**MOTIF ANYAMAN BEMBAN MASYARAKAT IBAN DALAM
PENGKARYAAN SENI KONTEMPORARI**

Doris Maying

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Seni Halus)
2015**

MOTIF ANYAMAN BEMBAN MASYARAKAT IBAN DALAM PENGKARYAAN
SENI KONTEMPORARI

Doris Maying

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Seni Halus)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2015

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 1st day of July 2015.

Student's Declaration:

I, DORIS MAYING (35903) Faculty of Applied and Creative Arts hereby declare that the work entitled MOTIF ANYAMAN BEMBAN MASYARAKAT IBAN DALAM PENGKARYAAN SENI KONTEMPORARI is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

1st July 2015

Date submitted

DORIS MAYING (35903)

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I ENCIK AWANGKO' HAMDAN PGN ARSHAD hereby certifies that the work entitled MOTIF ANYAMAN BEMBAN MASYARAKAT IBAN DALAM PENGKARYAAN SENI KONTEMPORARI was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of IJAZAH SARJANA MUDA SENI GUNAAN DENGAN KEPUJIAN (SENI HALUS), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:

Encik Awangko' Hamdan Pgn Arshad

Date: 1st July 2015

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):


- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
- OPEN ACCESS**

Validation of Project/Thesis


I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature


(01/07/2015)

Supervisor signature:


(01/07/2015)

Current Address:

LOT 1674 LORONG 1D
FASA 1 DESA SENADIN
98000 MIRI SARAWAK


Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGESAHAN

Projek bertajuk **Motif Anyaman Bemban Masyarakat Iban Dalam Pengkaryaan Seni Kontemporari** telah disediakan oleh **Doris Maying** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian (**Seni Halus**).

Diterima untuk diperiksa oleh:



(Encik Awangko' Hamdan Awang Arshad)

Tarikh:

01/07/2015

PENGHARGAAN

'Lord, grant me that I may always desire more than I can accomplish...' - (Michaelangelo)

Kesyukuran yang amat besar saya berikan kepada Tuhan kerana telah memberi petunjuk dan peluang kepada saya sepanjang melaksanakan kajian dan penghasilan karya peribadi saya. Kepada kedua ibu dan bapa yang tersayang, jutaan penghargaan atas jasa yang diberi dari motivasi, kasih sayang, dan kewangan sepanjang pengajian saya di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Tanpa sokongan mereka, saya tidak akan merasai setiap kesyukuran dan kebanggaan yang terlakar, serta terus membimbing saya dalam menghadapi ragam kehidupan ini.

Jutaan penghargaan kepada UNIMAS dan Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK) di atas kesudian menerima saya sebagai mahasiswi dan memberi peluang pendidikan kepada saya. Jutaan terima kasih juga kepada Dekan FSGK, Dr Wan Jamarul Imran Wan Abdullah Thani dan warga kakitangan fakulti yang banyak membantu secara langsung dan tidak langsung. Tidak dilupakan kepada pensyarah Seni Halus yang banyak membimbing saya dalam setiap pembelajaran dan segala tunjuk ajar dalam bidang ini terutamanya kepada penyelia saya iaitu Encik Awangko' Hamdan Awang Arshad atas kesudian menerima saya sebagai pelajar di bawah seliaan beliau serta segala tunjuk ajar, nasihat dan motivasi sepanjang pelaksanaan kajian dan projek tahun akhir ini. Selain itu, terima kasih kepada seluruh pensyarah program Seni Halus atas kritikan dan nasihat yang membina dalam mengembangkan kualiti dan pemahaian saya dalam pembelajaran serta karya saya.

Seterusnya tidak dilupakan kepada sahabat- sahabat saya yang turut memberi pandangan dan bantuan sepanjang saya menjalankan kajian dan projek tahun akhir, sama ada dalam bentuk motivasi, kewangan dan sebagainya. Terima kasih di atas segala kesudian dalam memberi buah

fikiran dan memberi kritikan yang membina, serta penghargaan atas segala masa yang terluang sepanjang pengajian ini. Akhir sekali, terima kasih tidak terhingga atas kesudian bagi pihak yang secara langsung dan tidak langsung dalam perjalanan kajian dan projek tahun akhir saya di atas bantuan dan suntikan semangat kepada saya agar meneruskan cita-cita untuk berkarya. Terima kasih juga atas perkongsian ilmu dalam sudut pandangan insan seni yang membuka minda saya serta inspirasi.

'Those who do not want to imitate anything, produce nothing...' – (Salvador Dali)

ISI KANDUNGAN	HALAMAN
Borang Pengesahan Status Laporan	i
Pengesahan Penyelia.....	iii
Penghargaan	iv
Isi Kandungan	vi
Abstrak	viii
Abstract.....	ix
1.0 MOTIF ANYAMAN BEMBAN MASYARAKAT IBAN DALAM SENI KONTEMPORARI.....	1
1.1 Latar Belakang Kajian.....	1
1.2 Permasalahan Kajian.....	5
1.3 Persoalan Kajian.....	5
1.4 Objektif Kajian.....	5
1.5 Hipotesis Kajian.....	6
1.6 Skop Kajian.....	6
1.7 Kepentingan Kajian.....	6
2.0 KAJIAN LITERASI.....	7
2.1 Analisa Karya dan Artis Rujukan.....	10
2.1.1 Artis Rujukan : Idea dan Konsep.....	10
2.1.2 Artis Rujukan : Teknik dan Kaedah.....	14
2.1.3 Artis Rujukan : Media dan Perletakan Karya.....	18
2.2 Kesimpulan daripada Artis Rujukan.....	23

3.0 METODOLOGI KAJIAN	24
3.1 Pengumpulan Data.....	24
3.2 Eksperimentasi Visual dan Lakaran.....	28
4.0 KAJIAN DAN HASIL DAPATAN	33
4.1 Lakaran Idea dan Bentuk.....	35
4.2 Cadangan Persembahan Karya.....	37
4.3 Proses Penghasilan Karya.....	39
4.4 Pemasangan Karya.....	43
4.5 Persembahan Karya Akhir.....	44
5.0 PENJELASAN KARYA	46
6.0 KESIMPULAN	50
RUJUKAN	52

ABSTRAK

Kajian ini memberi fokus terhadap motif anyaman bemban masyarakat Iban sebagai subjek dalam pengkaryaan seni visual. Pengkaji melakukan analisis pelbagai jenis motif bagi mengenal pasti kaedah yang sesuai untuk mengadaptasikannya dalam pengkaryaan. Motif pilihan mempunyai hubungkait dengan nilai naratif kepentingan identiti budaya serta menggambarkan pengalaman peribadi diri pengkaji.

ABSTRACT

This study focuses on the motif derived from the woven bemban of the Iban community as a subject matter in the creation of visual art. The researcher analysed different type of motifs as a mean to identify the suitable method to be adapted in the artwork. The selected motif are attached with related narrative value the importance of cultural identity and engaged the researcher's personal experience.

1.0 MOTIF ANYAMAN BEMBAN MASYARAKAT IBAN DALAM PENGKARYAAN SENI KONTEMPORARI

1.1 Latar Belakang Kajian

Anyaman bemban bagi masyarakat Iban di Sarawak mempunyai simbolik dan pemahaman tersendiri lazimnya mengaplikasikan motif-motif dan reka corak tertentu sebagai ragam hias yang diadaptasi menerusi keindahan alam semula jadi yang terdiri daripada unsur haiwan, tumbuhan, cakerawala dan unsur-unsur alam spiritual. Menurut kajian yang ditulis oleh Dr Anna Durin (2002) dalam penulisannya, simbolisme dalam konteks seni rupa bererti suatu perlambangan kepada sesuatu unsur yang harus dinilai secara mendalam. Dalam penghasilan kraf tangan anyaman masyarakat Iban, seni rupa yang digunakan kebanyakan berunsurkan simbolisme yang mempengaruhi kehidupan masyarakat ini mengikut adat kepercayaan mereka. Di samping itu, motif-motif yang dihasilkan dalam seni kraf masyarakat ini adalah sebagai panduan dalam kehidupan harian mereka dan untuk tujuan memperingati segala perkara, malah secara tidak langsung sebagai alat untuk menyampaikan mesej secara bersopan santun.

Walaupun bagaimanapun, penghasilan seni rupa masyarakat Iban tersebut mempunyai kewujudan permasalahan terhadap pemahaman seni motif ini. Merujuk kepada penghasilan tenunan Pua Kumbu juga, motif tenunan pada tekstil Pua Kumbu sukar dicam dengan jelas kerana kebanyakannya ditenun dalam bentuk abstrak dan motif tersebut bergantung kepada inspirasi penenunnya turut berkait rapat dengan anyaman bemban yang mempunyai ciri-ciri yang sama hampir serta inspirasi penghasilannya turut sama (Durin : 2011). Sama seperti dalam tenunan, hal ini menyukarkan bagi orang yang bukan pakar menganyam dan yang tidak mendalami budaya menganyam untuk memahami motif-motif yang terdapat pada produk anyaman bemban. Selain itu, dalam

penghasilan kraf tradisional tempatan adalah bergantung pada bahan semula jadi yang terdapat di tempat tertentu sahaja (Sellato : 2012). Masyarakat yang berada di kawasan luar daripada sumber tidak berkebolehan untuk mendapatkan sumber bahan anyaman iaitu bemban dan juga tidak dapat menghasilkan produk.

Motif anyaman bemban juga mempunyai pelbagai nama, maksud dan tujuan yang tersendiri. Tetapi, sebilangan masyarakat mendapati terdapat beberapa jenis motif telah kehilangan identitinya iaitu nama dan identiti motif yang tidak dikenali langsung atau hilang (Ball, 2009; Sellato, 2012). Kadang kala terdapat motif yang wujud tidak dikenal pasti tujuannya terhasil dan namanya. Ini kerana, penganyam bemban ini yang kebanyakannya golongan wanita dari masyarakat Iban akan menamakan hasil kreatif mereka mengikut kemahuan dan inspirasi peribadi. Malah setiap motif dan corak yang mereka anyam mungkin dilihat melalui mimpi dan hanya penganyam itu sendiri yang dapat menceritakan segala di sebalik hasil anyamannya. Menurut Heppel (2005) kebiasaannya motif atau corak anyaman juga hanya akan diperturunkan kepada waris-waris terdekat dan tidak dikongsi dengan orang lain.

Penghasilan atau menganyam sesuatu motif anyaman bemban yang mempunyai pantang larang dan tujuannya kerana aktiviti menganyam ini juga dipercayai oleh masyarakat Iban mengandungi unsur spiritual yang boleh membahayakan seseorang penganyam jika tidak dipatuhi. Sebagai contoh dalam penghasilan Pua Kumbu begitu juga dalam penghasilan anyaman, seseorang yang tidak mempunyai pengalaman yang tinggi dalam menenun sejenis motif yang herunsur spiritual boleh menyebabkan kematian kepada penenun (M. Heppel, 2005; Gavin, 2003; Sellato, 2012). Dr Noria Tugang menyatakan dalam kajian Tenunan Kain Pua Dalam Budaya Iban di Sarawak, 2010, menyatakan motif-motif yang terdapat pada Pua Kumbu mempunyai 'kuasa

mistik' dan memerlukan penenun mengadakan upacara ritual iaitu pemujaan dan persembahan sama ada semasa atau sebelum membuat motif tenunan. Perkara tersebut juga diamalkan dan dipercayai dalam aktiviti menganyam, hal ini kerana dalam masyarakat Iban mereka sentiasa mengutamakan kepercayaan dan amalan hidup mereka. Motif yang dianyam mempunyai tujuan ritual masyarakat Iban dan juga pantang larang yang perlu dipatuhi semasa menganyam bemban juga (Sellato: 2012). Hal ini sukar bagi sesetengah masyarakat Iban khasnya generasi pada masa kini yang sudah menganuti agama lain seperti Kristian dan Islam serta hidup di zaman serba moden menyebabkan kesenian motif ini kurang mendapat perhatian.

Motif anyaman bemban masyarakat Iban yang hanya kebanyakannya ditemui dalam bentuk dua dimensi, dan motifnya yang abstrak sukar dicam dan sukar difahami. Melalui pengkaryaan daripada konsep asalnya kepada seni kontemporari dijangka dapat memberi gambaran dan tekanan yang jelas terhadap motif tenunan. Penerokaan terhadap media baru yang sesuai selain bemban perlu dikenalpasti oleh pengkaji untuk menonjolkan lagi seni motif anyaman bemban yang lebih kontemporari.

Pengkaryaan motif anyaman mengikut aliran seni kontemporari terkini dijangka berpotensi memberi nafas baharu dengan mengadaptasikan teknik anyaman bemban yang sesuai dengan bahan baharu seperti media industri atau media bukan seni. Dalam kajian ini, pengkaji menjalankan kajian dengan membuat analisis terhadap jenis-jenis motif anyaman bemban masyarakat Iban yang berpotensi dalam pengkaryaan seni kontemporari. Pengkaji juga akan mengenal pasti kaedah yang berpotensi untuk menzahirkan motif pilihan dalam pengkaryaan seni kontemporari dengan mengkaji bentuk-bentuk motif dengan membuat pengolahan pada motif bagi tujuan memperjelaskan imej serta berdasarkan media pengkaryaan pengkaji. Pembaharuan

yang dikenalpasti bagi menentukan kesesuaian untuk pengkayaan motif anyaman bambu dan menggantikan media asal serta konsep asal, dijangka berpotensi untuk menyelesaikan permasalahan kajian ini dan dapat dizahirkan dalam bentuk karya peribadi pengkaji.

1.2 Permasalahan Kajian

- a) Seni berkaitan anyaman bemban kurang popular dalam kalangan pengkarya seni tempatan sebagai bahan kajian inspirasi dalam penghasilan karya mereka.
- b) Motif anyaman jarang diketengahkan melalui penggunaan media lain selain bemban.
- c) Motif anyaman kurang diadaptasi dalam karya seni kontemporari.

1.3 Persoalan Kajian

1. Apakah jenis motif yang terdapat pada anyaman bemban dalam masyarakat Iban?
2. Apakah kaedah yang sesuai untuk mengadaptasi motif anyaman bemban masyarakat Iban dalam pengkaryaan seni kontemporari?
3. Bagaimanakah motif anyaman pilihan akan diaplikasikan dalam karya akhir?

1.4 Objektif Kajian

1. Menganalisis pelbagai jenis motif anyaman bemban dalam masyarakat Iban.
2. Mengetahui kaedah yang sesuai untuk mengadaptasi motif anyaman bemban masyarakat Iban dalam pengkaryaan seni kontemporari.
3. Menzahirkan dapatan kajian dalam bentuk karya akhir.

1.5 Hipotesis Kajian

- a) Pengkaji menjangkakan penghasilan sebuah karya kontemporari yang mengaplikasikan motif anyaman bemban masyarakat Iban yang terpilih.
- b) Menghasilkan karya berasaskan kaedah yang terpilih melalui ekperimentasi lakaran visual.

1.6 Skop Kajian

- a) Kajian ini dilaksanakan berdasarkan motif anyaman bemban yang telah dipilih iaitu motif Mata Ulat.
- b) Hasil kerja eksplorasi bentuk melalui beberapa lakaran dibuat dan kemudian dihasilkan dalam bentuk *maquette* untuk dianalisis bagi mengenalpasti kaedah yang sesuai digunakan.

1.7 Kepentingan Kajian

Motif Mata Ulat merupakan motif anyaman bemban yang mudah diolah dalam bentuk anyaman tetapi berkemampuan untuk menghasilkan karya yang rumit. Hal ini dapat dibuktikan melalui proses penghasilan dan kaedah yang sangat teknikal serta boleh dihasilkan dengan menggunakan media alternatif iaitu besi, fiber serta kayu belian.

2.0 KAJIAN LITERASI

Sorotan daripada kajian lepas banyak menulis berkait rapat dengan penyelidikan pengkaji iaitu mengenai motif anyaman bemban masyarakat Iban. Dalam penyelidikan awal pengkaji, kajian lepas menyatakan motif tenunan sukar dicam oleh pemerhati atau audiens khasnya yang tidak mengenali budaya menenun, kerana ciri-ciri motif tenunan Pua Kumbu sangat abstrak dan kurang jelas (Anna Durin : 2011). Ini turut menyokong bahawa ciri motif seni anyaman bemban turut mempunyai persamaan seperti mana motif Pua Kumbu dihasilkan. Kajian lain oleh Dr Anna Durin yang banyak menyentuh isu kajian yang sedang pengkaji jalankan juga iaitu dalam kajian Tikar Bemban dalam Seni dan Budaya Masyarakat Iban di Sarawak dan Tikar Bemban Satu Seni Rupa Iban Yang Harus Dipertahankan.

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih beberapa buah buku rujukan sebagai rujukan dalam kajian ini. Buku rujukan utama bagi pengkaji adalah *Plaited Arts From The Borneo Rainforest* oleh Bernard Sellato (2012). Kandungan dalam buku ini sangat memudahkan pengkaji kerana menyediakan pelbagai maklumat mengenai anyaman bemban masyarakat Iban. Melalui buku rujukan ini juga, pengkaji dapat mengenal pasti pelbagai jenis- jenis motif dan juga jenis produk anyaman bemban masyarakat Iban, malahan daripada masyarakat berbangsa lain yang terdapat di Kepulauan Borneo. Pelbagai jenis motif anyaman bemban masyarakat Iban juga terdapat dalam kandungan buku ini. Pengkaji mendapati penulis turut menekankan bahawa setiap motif membawa kepentingan tersendiri dalam kehidupan masyarakat Iban sendiri khasnya dalam upacara-upacara penting bagi masyarakat Dayak ini. Menurut penulis juga, setiap motif mempunyai fungsi dan maksud tersendiri dari sudut mistik seperti dalam kepercayaan

masyarakat kaum Iban. Tujuan dan fungsi sesuatu motif adalah dikhususkan dalam sesebuah ritual dan tidak boleh diaplikasikan tanpa mengikut kesesuaian tujuan. Melalui penulisan buku ini, pengkaji turut didedahkan dengan beberapa jenis rupa motif yang pelbagai sebagai rujukan visual serta dengan kaedah atau teknik anyaman bemban untuk menghasilkan pelbagai jenis barangan tradisi masyarakat Iban. Selain daripada buku ini, pengkaji turut merujuk kepada beberapa lagi buah buku yang turut berkait dengan rapat dengan kajian, namun tidak banyak yang menyentuh mengenai motif anyaman bemban tetapi banyak memberikan maklumat dari segi latar belakang budaya masyarakat Iban. Antaranya ialah, *Sarawak People of The Longhouse and Jungle* oleh Hugo Steiner (2007) dan *Amar Margaret Linggi (2001) iaitu Ties That Bind: Iban Ikat Weaving* yang mengandungi maklumat Pua Kumbu.

Buku-buku yang turut dirujuk juga berkait dengan buku-buku rujukan karya artis kontemporari. Buku rujukan karya utama yang digunakan oleh pengkaji adalah yang ditulis Barry Bergdoll, Dario Gamboni dan Phillip Ursprung (2007), *From Inspiration To Innovation : Nature Design*. Dalam buku ini, terdapat pelbagai jenis karya dalam bentuk instalasi dan karya-karya yang berkonsep kontemporari yang dijadikan sebagai rujukan pengkaji. Penulis turut memberikan banyak penjelasan terhadap setiap karya yang terdapat dalam buku tersebut secara terperinci. Buku- buku rujukan lain yang sedemikian rupa adalah seperti *Indonesian Art Pleasures of Chaos* (2010).

Rujukan kedua pula, pengkaji memilih untuk menjalankan rujukan kepada kajian lepas untuk memahami kehidupan dan kepercayaan masyarakat Iban yang ditulis oleh Dr Anna Durin (2002) yang turut menyatakan bahawa terdapat juga motif-motif yang direka cipta dipengaruhi sebahagian adat masyarakat kaum Iban seperti pengaruh daripada Adat Ngayau. Menurut penulis kajian ini, Adat Ngayau atau pemenggalan

kepala mempunyai upacara ritual tersendiri. Setiap Pengayau atau Pendekar akan disambut dalam upacara ritual sebagai persediaan sebelum bertemu dengan musuh bagi tujuan 'memasang pelindung'.

Rujukan kajian sampingan seterusnya adalah penulisan kajian Dr Noria Tugang (2010). Penulis menyatakan motif-motif Pua Kumbu juga hanya dapat dihasilkan bagi mereka yang mendapat inspirasi atau mimpi, dan wanita yang mempunyai bakat sangat dipandang tinggi. Pua Kumbu dipercayai mempunyai kuasa mistik disebabkan oleh motif-motif tenunannya dan digunakan khasnya untuk upacara ritual. Dalam masyarakat Iban, wanita-wanita Iban yang mempunyai kelebihan dalam menenun adalah merupakan golongan elit masyarakat. Kadangkala, bakat menenun dan menganyam juga hanya dihandali oleh isteri dan anak ketua rumah panjang. Penulisan kajian Traude Gavin (2003) turut digunakan sebagai rujukan dalam kajian oleh pengkaji. Merujuk kepada pandangan lain, penulis berpendapat motif-motif tenunan Pua Kumbu sukar dikenal pasti kerana pelbagai pengaruh individu dan alam semula jadi sukar difahami oleh audiens dan mereka yang tidak pakar dalam tenunan, yang turut dialami dalam pekerjaan menenun.

Motif anyaman bemban kurang diberi perhatian kerana ianya sukar difahami dan tidak jelas. Teknik anyaman turut menambahkan nilai abstrak yang tinggi kepada motif dan hanya dapat diperagakan bagi tujuan ragam hias. Peragaan atau pengkaryaan motif anyaman kepada seni kontemporari dengan mengadaptasi motif yang berpotensi dijangka dapat mengetengahkan identiti dan memperkayakan nilai motif anyaman bemban. Dengan menganalisis motif yang sesuai serta diaplikasikan dengan teknik anyaman dengan penggunaan bahan alternatif, motif anyaman bemban dapat diberikan nafas baharu melalui penzahiran dalam pengkaryaan seni kontemporari

2.1 Analisa Karya dan Artis Rujukan

2.1.1 Artis Rujukan : Ideadan Konsep

(a) Kai Chan

Bagi artis ini, setiap bahan yang digunakan adalah berdasarkan konsep dan idea yang cuba diolah dan tidak mengeneipkan ciri-ciri bahan asal yang dimanipulasikan dalam karyanya. Dalam proses pengkaryaan, Kai Chan banyak mengaplikasikan media benang dalam karya, dan turut menggunakan media lain sebagai bahantara karya berdasarkan kesesuaian rekaan yang dikehendaki.

Karya Kai Chan juga banyak berunsurkan mengenai kehidupan seharian dan pengalaman dalam kehidupan artis itu sendiri. Karya-karya juga kebanyakannya dihasilkan dalam bentuk dua dimensi, namun akan dipersembahkan dengan kaedah penggantungan pada dinding. Berikut di bawah adalah karya Kai Chan:




Fig. 1;
Artis : Kai Chan
Tajuk :Link (2009-2010)
Media : Benang sutera




Fig. 2;
Artis : Kai Chan
Tajuk : Red Flood (2009)
Media : Benang kapas dan gegelung timah




Fig. 3;
Artis : Kai Chan
Tajuk : Two Island in the River (2010)
Media : Benang sutera

(b) Rosemary Claus-Gray

Pengkarya dan artis fiber ini pula, menghasilkan karya yang berbentuk ekspresif dan abstrak. Inspirasi karyanya lebih bergantung kepada perasaan dan emosi artis Claus-Gray. Artis ini juga banyak melakukan eksperimentasi dengan idea yang diolah, teknik dan media. Kadangkala, artis ini membuat keputusan mengenai idea dan teknik adalah berdasarkan jenis bahan yang beliau akan digunakan. Selain itu, prinsip artis ini yang menekankan bahawa '*truth to the materials*' yang membimbing beliau dalam berkarya.

Artis ini juga menjadikan teknik yang digunakan sebagai bahan atau peralatan dalam penghasilan ekoran setiap perlakuan terhadap karya akan memberi nilai kepada karya yang dihasilkan. Claus-Gray juga sangat menekankan mengenai rekaan mudah yang boleh diolah menjadi lebih segar dalam bentuk karya peribadinya. Selain daripada inspirasi peribadi, Claus-Gray juga mendapatkan inspirasi daripada karya artis Rothko.

Antara karya Claus-Gray adalah seperti berikut:



Fig. 4;
Artis : Rosemary Claus Gray
Tajuk : Exerberance I
Dimensi : 27.5 x 41
Media : Sutera organza, *silk shot*, sutera legap
dan jahitan tangan



Fig. 5;
Artis : Rosemary Claus-Gray
Tajuk : Facade VII
Dimensi : 13.5 x 21
Media : *Senim* dan sutera organza mentah